HUBUNGI SKUAD KUALA NERUS
NURUL HUDA HUSAIN - 019 9391256 / 019 9821480

Tambah baik aspek kecekapan

PBT perlu kerap bersama masyarakat, didik patuh peraturan

GONG BADAK - PBT perlu sedar bahawa tahap kecekapan penguatkuasaan yang dilaksanakan bukan bergantung pada jumlah kompaun yang dikeluarkan semata-mata, sebaliknya ia diukur apabila berjaya mendidik orang ramai agar mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, aspek kecekapan penguatkuasaan perlu menjadi fokus utama kesemua PBT selari dengan hasrat untuk mencapai negara maju.

"Apa yang dapat kita lihat kini, kecekapan PBT ada ruang lagi perlu ditambah baik kerana kita dalam landasan untuk mencapai negara maju.

"Saya juga lihat kerjasama PBT dan masyarakat perlu diperkukuhkan lagi dengan mengadakan lebih banyak aktiviti bersama," katanya.

Yahaya (dua, kanan) ketika menjawab soalan media pada Kolokium Transformasi Integriti Penjawat Awam di Dewan Auditorium Akademik, Unisza Kampus Gong Badak.

Katanya, di negara maju dilihat pengurusan dilakukan dari rumah ke rumah.

"Tetapi di negara kita belum mencapai ke tahap itu.

"Justeru perlunya kita memberi kesedaran kepada masyarakat tentang cara pengasingan sampah yang betul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Kolokium Transformasi Integriti Penjawat Awam di Dewan Auditorium Akademik, Unisza Kampus Gong Badak.

Menurut Yahaya lagi, penganjuran aktiviti secara lebih kerap PBT bersama masyarakat juga lihat menjadi landasan terbaik untuk memberi lebih kefahaman kepada orang ramai tentang peranan dan tanggungjawab mereka mengikuti segala prosedur tertentu yang telah ditetapkan.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Unisza juga mengalu-alukan mana-mana pihak untuk mengadakan pelbagai aktiviti dan menggunakan segala kemudahan yang sedia ada selaras dengan konsep Unisza sebagai universiti komuniti.

JOM SOLAT

KUALA NERUS

SUBUH	5:30
SYURUK	6:53
ZOHOR	1:07
ASAR	4:31
MAGHRIB	7:18
ISYAK	8:33